

**KAJIAN PERLETAKAN PENCAWANG ELEKTRIK DALAM PEMBANGUNAN
KAWASAN PERUMAHAN
KAJIAN KES : BANDAR BARU SERI MANJUNG DAN LUMUT**

DAPAT
SERI

Oleh :

KAMARUL AZMAN BIN MOHD. AB. GHANI

**Jabatan Perancangan Bandar Dan Wilayah
Fakulti Senibina Perancangan Dan Ukur
Universiti Teknologi Mara
Cawangan Perak**

November 1999.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah... Syukur saya kepada Allah S.W.T kerana telah berjaya menyiapkan Kajian Akhir ini dengan jayanya. Dengan ini saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih terutamanya kepada penyelia saya iaitu Encik Aszhar bin Abd Rahman yang telah banyak membantu serta membimbing saya dalam menyedia dan menyiapkan Kajian Akhir ini, juga kepada koordinator Kajian Akhir iaitu Puan Siti Norlizaiha Bt. Harun yang sentiasa memastikan penyediaan Kajian Akhir ini menepati jadual yang telah ditetapkan.

Ucapan terima kasih juga ditujukan khas untuk pihak Tenaga Nasional BHD, Jabatan Perancang Bandar Dan Desa, Majlis Daerah Manjung dan semua pihak lain yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penyiapan Kajian Akhir ini.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih diucapkan kepada keluarga, rakan-rakan seperjuangan yang bersama-sama membantu dalam memastikan penyediaan Kajian Akhir ini mencapai matlamat serta objektif yang telah dibuat. Akhir kata semoga Kajian Akhir ini menepati kehendak yang telah ditetapkan oleh Jabatan Perancangan Bandar Dan Wilayah. InsyAllah.

ABSTRAK

Pembangunan negara yang pesat pada masa kini telah mendorong dalam peningkatan penggunaan tenaga elektrik dalam negara. Disebabkan oleh faktor inilah, maka pelbagai dasar dan polisi telah dibentuk oleh pihak kerajaan untuk meningkatkan lagi perkembangan dalam penyaluran tenaga elektrik. Perancangan fizikal bagi mendorong penyaluran tenaga elektrik adalah amat penting untuk memastikan tahap tenaga elektrik yang diperlukan oleh pengguna sentiasa mencukupi. Berdasarkan kepada faktor inilah maka kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti masalah-masalah yang melibatkan perancangan pencawang elektrik di kawasan yang telah dikenalpasti. Kajian ini amat penting bagi memastikan perancangan serta penyaluran tenaga elektrik berada pada tahap yang paling memuaskan. Selain itu, kajian ini juga dilakukan adalah untuk memastikan tahap perkhidmatan penyaluran elektrik oleh pencawang elektrik serta penyelenggaraan sentiasa dilakukan oleh pihak TNB di kawasan kajian. Ini kerana secara amnya didapati pencawang elektrik yang telah disediakan kebanyakannya tidak mempunyai aspek keselamatan yang mencukupi untuk memastikan keadaannya selamat kepada orang ramai. Secara keseluruhannya masalah yang dihadapi di kawasan kajian adalah disebabkan oleh ketiadaan perancangan dalam pembangunan yang khusus untuk pencawang elektrik. Oleh sebab itu, langkah-langkah tertentu perlu diambil untuk mengatasi masalah-masalah yang telah dikenalpasti hasil daripada kajian yang telah dijalankan. Dengan ini maka diharap agar perancangan untuk pencawang elektrik pada masa hadapan dapat dirancang dengan lebih teliti dan berkesan dengan kerjasama daripada pihak yang bertanggungjawab.

Penghargaan	i
Abstrak	ii
Isi Kandungan	iii
Senarai Jadual	ix
Senarai Rajah	x
Senarai Foto	xii
Senarai Lampiran	xiii
Senarai Singkatan Kata	xiv

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

BAB 1	PENDAHULUAN	1
1.0	Pengenalan	1
1.1	Kenyataan Isu Dan Masalah	3
1.2	Matlamat	4
1.3	Objektif	4
1.4	Kawasan Kajian	6
1.5	Skop Kajian	7
1.6	Kaedah Dan Prosedur Kajian	8
1.6.1	Peringkat Pertama (Kajian Awalan)	10
1.6.2	Peringkat Kedua (Pengumpulan Maklumat Primer)	10
1.6.3	Peringkat Ketiga (Pengumpulan Maklumat Sekunder)	10
1.6.4	Peringkat Keempat (Analisa Data)	11
1.6.5	Peringkat Kelima (Cadangan)	11
1.7	Rumusan	12

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Pembangunan negara yang pesat pada masa kini dalam pelbagai bidang terutamanya perindustrian, perniagaan, perumahan dan sebagainya memberi kesan kepada permintaan tenaga elektrik. Daripada faktor inilah penyediaan tapak bagi pencawang elektrik di sesuatu kawasan yang ditetapkan adalah amat penting bagi menampung dan memenuhi keperluan untuk kegunaan penduduk tempatan.

Penyediaan tapak pencawang elektrik merupakan suatu kemudahan yang amat perlu disediakan kepada orang ramai bagi membekalkan tenaga elektrik untuk keperluan harian. Selain daripada sebagai keperluan, peningkatan dan kepekaan masyarakat terhadap alam sekitar juga mendorong kepada pembinaan tapak pencawang elektrik pada masa kini. Ini kerana pencemaran alam yang dihasilkan daripada sumber-sumber lain dapat dielakkan dengan adanya bekalan elektrik yang dibekalkan.

Bagi penyediaan tapak pencawang elektrik di sesuatu kawasan, ia disediakan mengikut keperluan pengguna dan mengikut piawaian yang telah ditetapkan. Piawaian sediaada yang digunakan didapati berasaskan kepada peruntukan keluasan kawasan iaitu berdasarkan saiz dan fungsi pencawang serta jumlah pengguna yang memerlukan bekalan elektrik serta tertakluk kepada peruntukan Tenaga Nasional Berhad (TNB).